Jabatan Bantuan Guaman
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
No Tel : 03-26942700 No Faks : 03-26940040

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Gua Musang
No Tel : 09-9123688 No Faks : 09-9126988

Jabatan Bantuan Guaman Perak
No Tel : 05-2544027/ 05-2552240 No Faks : 05-2556007

Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan
No Tel : 06-7630457/06-7637230 No Faks : 06-7610380

Jabatan Bantuan Guaman Taiping
No Tel : 05-8082701/05-8069452 No Faks : 05-8063817

Jabatan Bantuan Guaman Kedah
No Tel : 04-7001553 No Faks : 04-7327452

Jabatan Bantuan Guaman Johor
No Tel : 07-2234960/07-2237073 No Faks : 07-2247169

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri
No Tel : 085-423606 No Faks : 085-425204

Jabatan Bantuan Guaman Terengganu
No Tel : 09-6203240/41/42/43 No Faks : 09-6203250

Jabatan Bantuan Guaman Sabah
No Tel : 088-488434 No Faks : 088-488096

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar
No Tel : 06-9522410/06-9528972

Jabatan Bantuan Guaman Kelantan
No Tel : : 09-7482548 No Faks : 09-7472615

Jabatan Bantuan Guaman Selangor
No Tel : 03-55453398/ 03-55453497 No Faks : 03-55190846

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Raub
No Tel : 09-3553677 No Faks : 09-3557494

Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang
No Tel : 04-2109100/04-2109108 No Faks : 04-2287966

Jabatan Bantuan Guaman Melaka
No Tel : 06-2345277/ 06-2345288 No Faks : 06-2345280

Jabatan Bantuan Guaman W.P Labuan
No Tel : 087-412242 No Faks : 087-411531

Jabatan Bantuan Guaman Perlis
No Tel : 04-9767739 No Faks : 04-9767790

Jabatan Bantuan Guaman Pahang
No Tel : 09-5161135/09-5162639 No Faks : 09-5157120

Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibu
No Tel : 084-343978 No Faks : 084-346978

Jabatan Bantuan Guaman Sarawak
No Tel : 082-258699/082-238509 No Faks : 082-243978

Jabatan Bantuan Guaman Langkawi
No Tel : 04-9698180/04-9698183 No Faks : 04-9698181




HUBUNGI KAMI:

Ibu Pejabat:
Jabatan Bantuan Guaman
Aras 1, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No Telefon:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)

CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN BANTUAN GUAMAN



ANGGAPAN KEMATIAN

www.jbg.gov.my
jabatanbantuanguaman

Tahukah anda bahawa sesuatu perkahwinan boleh dibubarkan oleh Mahkamah Syariah dengan beberapa cara dan salah satu daripadanya adalah melalui perakuan anggapan kematian.

01 **Apakah yang dimaksudkan dengan anggapan kematian?**

Anggapan kematian merupakan satu perakuan daripada mahkamah bahawa seseorang itu telah mati atau meninggal dunia.

02 **Siapakah yang boleh membuat permohonan ini?**

Permohonan ini boleh dibuat oleh seseorang isteri yang kehilangan suami dalam tempoh lama yang boleh dianggap sebagai telah mati atau dipercayai telah mati, atau telah tidak didengar perkhabaran mengenainya bagi suatu tempoh empat tahun atau lebih.

03 **Apakah penentuan seseorang itu boleh dianggap telah mati menurut Undang-Undang Keluarga Islam?**

Seseorang itu boleh dianggap telah mati menurut Undang-Undang Keluarga Islam berdasarkan elemen yang berikut:

i. Terputus khabar berita;
ii. Tidak diketahui di mana berada;
iii. Tidak diketahui sama ada hidup atau mati;
iv. Telah dilakukan usaha pencarian yang bersungguh-sungguh; dan
v. Tempoh hilang adalah empat tahun atau lebih.

04 **Apakah tujuan permohonan ini dibuat di Mahkamah Syariah?**

Permohonan ini terkandung dalam Undang-Undang Keluarga Islam yang membolehkan Mahkamah Syariah membubarkan perkahwinan dan menjelaskan status isteri yang kehilangan suami dan membolehkan seorang isteri berkahwin semula.


05 **Apakah kesan ke atas sesuatu perkahwinan apabila Mahkamah Syariah telah memperakukan anggapan kematian ke atas si suami?**

Perkahwinan tersebut akan dibubarkan oleh Mahkamah Syariah dengan alasan bahawa si suami dianggap sebagai telah mati berdasarkan siasatan yang dijalankan. Perakuan anggapan kematian yang dikeluarkan oleh mahkamah hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.

06 **Apakah kesan kepada seorang wanita apabila Mahkamah Syariah telah membubarkan perkahwinannya dengan alasan anggapan kematian?**

Wanita tersebut hendaklah ber'iddah dengan 'iddah kematian suami, iaitu empat bulan sepuluh hari dari tarikh keputusan.





07 **Adakah wanita tersebut boleh berkahwin lain selepas perkahwinannya dibubarkan?**

Ya. Wanita tersebut boleh berkahwin dengan perkahwinan yang baharu setelah selesai menjalani tempoh 'iddah.

08 **Di manakah permohonan ini boleh dibuat?**

Permohonan ini boleh dibuat di Mahkamah Tinggi Syariah di tempat perempuan tersebut bermastautin.

09 **Apakah dokumen yang diperlukan untuk permohonan ini?**

i. Kad Pengenalan Pemohon;
ii. Pengesahan mastautin;
iii. Butiran Maklumat Suami (orang yang hilang);
iv. Laporan Polis (orang yang hilang);
v. Lain-lain dokumen berkaitan; dan
vi. Saksi-saksi yang menyokong permohonan.

10 **Adakah Jabatan Bantuan Guaman boleh mewakili bagi kes anggapan kematian ini?**

Ya. Sila berhubung dengan cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berhampiran.